

Khas Dari Australia

The Revenge Of The Bat' Temui Penonton 2 Oktober

Oleh AFLIEZA ARSHAD

AYER KEROH, 26 Sept. - Philea Resort & Spa menjadi lokasi tayangan opera - 'The Revenge Of The Bat' (Die Fledermaus) yang dibawa khas dari Australia sebagai permulaan memperkenalkan komedian muzik terkenal, Johann Strauss di negara ini.

Persembahan pada 2 Oktober ini juga merupakan pertama kali diadakan di Malaysia, ini antara lain mencari platform mempopularkan komedi muzikal klasik di negara ini.

Menurut Pengarah Muziknya, Brian Chatterton, sejak memperjuangkan komedi opera pada era 90an, kumpulan tersebut seringkali membuat

pelbagai persembahan berprestij di merata-rata negara.

Bagaimanapun, hanya kini kumpulan tersebut berpeluang mengadakan persembahan di Malaysia selain Melaka sebagai destinasi pertama sebelum mereka menjelajah ke bandar-bandar utama lain.

"Sejujurnya kami sangat berbesar hati dan teruja menampilkan persembahan istimewa ini supaya penonton dapat mendekati dan memahami apa yang ingin kami tonjolkan.

"Kami membuat persediaan sehabis baik dan akan menampilkan kelainan pada persembahan konsert itu terutama dari segi komedi dan susunan muzik yang diolah



Beng Weh, Connie Chin, Kee Boon; dan Brian bergambar kenangan selepas sidang akhbar.

semula mengikut kesesuaian orkestra opera muzikal sesuai dengan latar masyarakat dan budaya di negara ini.

"Memandangkan ini merupakan kali pertama kami diberi peluang ber-

aksi di Malaysia, kami akan melakukan yang terbaik khas buat penonton pada malam tersebut," katanya semasa ditemui dalam sidang media mengenai persembahan 'The Revenge Of The Bat' (Die Fle-

dermaus), di sini semalam.

Hadir sama, Pengurus Acara, Kok Kee Boon; Pengarah Kewangan Philea Resort & Spa, Lim Beng Weh dan Pengurus Pemasaran & Komunikasi Philea

Resort & Spa, Connie Chin.

Sementara itu, Beng Weh berkata, kolaborasi pihak penganjur dengan Philea Resort & Spa juga meneruskan tanggungjawab sosial korporat (SCR) kerana persembahan tersebut turut berlandaskan persembahan amal.

"Pihak pengurusan hotel akan membawa kira-kira 200 penghuni dari rumah anak-anak yatim terpilih di sekitar negeri ini bagi menonton persembahan opera musikal itu.

"Ataranya, penghuni Rumah Anak Yatim Fatimah Azzahra, Wings Malacca dan Bhogawan Sri Ramakrishna Malaysia Charity, & Welfare Association," katanya.